

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN YAYASAN NADWAH AKADEMI ISLAM (NADI) BERHAD

TEMPAT: PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 06 FEB 1988

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Amar Diraja Haji Wan Mokhtar  
Ahmad, Pengerusi Yayasan Nadwah Akademi  
Islam Berhad;

Ahli-Ahli Lembaga Amanah Yayasan;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita hadir di Majlis Pelancaran Yayasan Nadwah Akademi Islam Berhad ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Amanah Yayasan yang menjemput saya untuk melancarkan Yayasan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Penubuhan Yayasan ini kena pada masanya, iaitu ketika kita memerlukan kegiatan-kegiatan yang memberi kefahaman yang lebih luas dan tepat mengenai Islam. Lebih-lebih lagi dalam kontek masyarakat majmuk negara kita di mana penerangan mengenai Islam perlu dijalankan secara menyeluruh bagi menjamin keharmonian dan persefahaman dalam masyarakat Malaysia.

3. Saya difahamkan Yayasan ini akan berusaha dalam dua aspek. Pertamanya Yayasan ini akan menjalankan kegiatan-kegiatan yang memberi kefahaman Islam, dan keduanya, menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi untuk mencari sumber kewangan. Ini bererti Yayasan ini akan berusaha untuk berdikari bagi menjalankan aktiviti-aktiviti keilmuan dan keIslaman tanpa bergantung kepada bantuan pihak-pihak lain. Pendirian dan dasar yang dipegang oleh Yayasan ini adalah sangat menggalakkan kerana terdapat banyak organisasi yang mengharapkan bantuan daripada pihak Kerajaan bagi menjalankan kegiatannya. Kerajaan mengalu-alukan sikap Yayasan ini untuk membantu Kerajaan dalam menyebarkan syiar Islam di samping menyatu-padukan lagi umat Islam melalui kefahaman ilmu yang mantap. Tetapi sayugia diingatkan bahawa mencari kejayaan daripada perniagaan bukanlah mudah kerana ia memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Sebenarnya sikap yang diambil oleh Yayasan ini dalam dua aspek yang tersebut tadi adalah sesuai dengan amalan ajaran Islam. Kita tidak harus memperkatakan sahaja bahawa Islam adalah sesuai dengan semua zaman, semua tempat dan keadaan, tanpa membuktikan dengan jelas akan kebaikan hasil daripada amalan ajaran Islam. Sama ada kita suka atau tidak, kebanyakan orang-orang Islam dan yang bukan Islam, tidak dapat menerima semua kenyataan agama sebagai dogma, iaitu sebagai perkara yang mesti diterima tanpa disoal, sebagai satu kepercayaan semata-mata melainkan perkara-perkara berkaitan akidah. Manusia yang dikurniakan akal fikiran oleh Tuhan perlu dan akan menyoal sesuatu kenyataan. Justeru itu, amat penting sekali bagi pengamal ajaran Islam membuktikan apa yang didakwa oleh Islam adalah benar dan nyata.

5. Pada masa ini, apa yang berlaku dalam bidang politik, ekonomi dan sosial ialah tindakan orang-orang Islam kerap-kali tidak secukup dengan ajaran Islam dan tidak mencerminkan kenyataan-kenyataan yang dibuat berkenaan dengan baiknya hasil ajaran Islam. Hanya yang boleh ditonjolkan ialah kejayaan Islam di zaman yang lampau apabila Islam berkembang ke seluruh dunia dan kejayaan tokoh-tokoh lama Islam dalam berbagai bidang. Di zaman ini sukar bagi kita menunjukkan kejayaan umat Islam yang dikatakan mengamal ajaran Islam. Yang selalu ditunjukkan ialah peperangan antara Islam dengan Islam, sengketa politik mereka, kemunduran mereka dalam bidang ekonomi, sosial dan lain-lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Memandangkan hakikat-hakikat yang tidak boleh dinafikan ini, masyarakat Islam di negara kita memerlukan bimbingan bukan sahaja melalui kata-kata, tetapi juga dengan amalan yang boleh membuktikan kebenaran ajaran Islam. Cerdik-pandai Islam di negara ini perlu membuktikan kata sepakat, kerjasama dan persaudaraan yang mencerminkan falsafah Islam. Mereka dan orang-orang Islam perlu menjalankan kegiatan politik, ekonomi dan sosial yang bukan sahaja boleh berjaya tetapi nyata berjaya. Memang benar kejayaan hanya boleh dicapai dengan izin Allah Subhanahu Wataala, tetapi janganlah kerana menunggu Allah mengizinkan, kita tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Allah cuma menolong mereka yang menolong diri mereka sendiri. Jikalau kita berusaha separuh jalan dan kemudian kita berkata Allah tidak mengizinkan, ini sebenarnya mencerminkan kekecewaan kita. Dan umat Islam tidak boleh mudah kecewa, tidak boleh putus asa. Insya-Allah, jika kita bertekun, jujur dan tidak mudah kecewa, umat Islam akan mencapai kejayaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Dalam bidang perniagaan, umat Islam tidak boleh dan lebih-lebih lagi sekarang tidak mahu terlibat dengan jenis perniagaan yang diharamkan oleh Islam. Kita tidak mahu

terlibat dengan perniagaan arak, atau judi, atau yang melibatkan faedah. Malangnya, ada di antara kita apabila berniaga tidak pula mengutamakan amanah dan kejujuran. Ada yang meminjam wang dengan niat tidak mahu membayar. Ada yang menggunakan duit pinjaman untuk kegiatan lain, dan ada pula yang melesapkan wang yang diamanahkan kepada mereka. Ada yang berjanji untuk membekalkan barang-barang tertentu, tetapi menggantikan barang-barang itu dengan barang-barang lain atau dengan barang-barang yang bermutu rendah. Perbuatan-perbuatan ini tidak kurang buruknya daripada perniagaan yang diharamkan. Tetapi, ada di antara kita tidak memandang berat perbuatan ini. Sebenarnya perbuatan ini menghilangkan kepercayaan masyarakat kepada orang-orang Islam dan menyukarkan perniagaan orang-orang Islam lain.

8. Penerapan nilai-nilai Islam dalam bidang muamallah tidak diberi pandangan yang serius seperti yang diberikan kepada rupa Islam. Nampaknya ikrar oleh setengah-setengah orang Islam sudah tidak bermakna lagi. Dalam hal ini Yayasan yang kita tubuhkan ini hendaklah menunjukkan contoh yang baik dan prestasi yang tinggi dalam bidang perniagaan supaya dakwah yang dilakukannya tidak terhad kepada kata-kata sahaja. Jika Yayasan ini gagal, maka bukan sahaja kita semua akan rugi, tetapi sedikit-sebanyak kredibiliti Islam akan tercemar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Umat Islam sekarang ini perlu menerima kebenaran atau realiti yang terdapat. Di zaman moden ini, tidak mungkin umat Islam dapat mengasingkan dirinya daripada orang-orang bukan Islam. Demikian juga tidak mungkin kita menakluk wilayah mereka dan menjadikan mereka penganut agama Islam. Di Malaysia, hakikat yang perlu kita terima ialah kita hidup dalam masyarakat majmuk, masyarakat berbilang agama. Mahu tak mahu kita terpaksa bergaul dengan orang-orang yang bukan Islam. Jika masyarakat Islam ingin maju tanpa menjejaskan agamanya sendiri, kita mesti pandai bergerak dalam masyarakat majmuk ini. Mengasingkan diri daripada orang-orang bukan Islam bukanlah caranya. Malangnya, ada orang-orang Islam yang terpelajar yang tidak bercampur langsung dengan orang-orang yang bukan Islam. Ini membentuk sikap yang tidak sesuai dengan keadaan sebenar dalam masyarakat Malaysia. Segala rancangan dan pendekatan yang dibuat tidak akan berhasil kerana tidak mengambil-kira keadaan sebenar.

10. Bagaimana orang-orang Islam berinteraksi dengan orang-orang beragama lain patutlah diberi perhatian, terutamanya oleh ulamak-ulamak Islam di Malaysia. Dalam hal ini, para ulamak sendiri perlu mengadakan interaksi dengan orang lain supaya nasihat mereka berasaskan juga kepada pengalaman. Hanya membuat larangan-larangan dari jauh sahaja akan mengelirukan orang-orang Islam, sedangkan mereka tidak dapat mengelakkan diri daripada mengadakan perhubungan dengan penganut-penganut agama lain. Perhubungan yang baik dan mesra perlu dikekalkan di antara orang-orang Islam

dengan orang-orang bukan Islam untuk menjamin keamanan di negara ini sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Dakwah secara kasarnya bolehlah dibahagikan kepada dua kumpulan sasaran iaitu berdakwah bagi menguatkan akidah serta keimanan orang-orang Islam, dan keduanya, menyampaikan mesej Islam kepada rakan-rakan yang bukan beragama Islam. Saya akui bahawa ramai alim ulamak di negara kita ini yang telah menyumbangkan tenaga dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menguatkan akidah serta keimanan di kalangan umat Islam. Tetapi tidak begitu ramai yang mendekati diri mereka dengan orang-orang bukan Islam, sekurang-kurangnya untuk memastikan supaya Islam tidak disalah-ertikan. Niat kita supaya Islam tidak disalah-ertikan dan menyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada mereka yang belum menganutinya, sudah tentu termasuk dalam ruangan perkara-perkara yang dituntut oleh Allah ke atas setiap umat Islam. Kita harus ingat bahawa apabila Nabi Muhammad s.a.w. mula menerima wahyu, tidak ada seorangpun orang Islam di kota Mekah. Jika Junjungan kita tidak bercampur dengan orang-orang bukan Islam, mustahil agama Islam dapat berkembang.

12. Di Madinah Nabi Muhammad s.a.w. tidak memisahkan orang-orang Islam daripada orang-orang bukan Islam seperti Nasrani dan Yahudi. Dengan usaha dan panduan daripada Junjungan kita, umat Islam di kota Mekah telah mendampingi diri dengan mereka yang belum menganuti Islam. Akhirnya, terdapat juga beberapa orang daripada mereka yang bukan Islam menganuti Islam, dan sebahagiannya pula, sekurang-kurangnya, dapat memahami dan mengerti nilai-nilai pentadbiran yang jujur, cekap dan bersemangat toleransi yang diamalkan oleh Rasullullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya. Inilah sunnah Nabi s.a.w. yang patut kita abadikan dalam usaha kita berdakwah.

13. Seperkara lagi yang harus kita ingat ialah kalau orang-orang Islam yang mula-mula datang menjelajah ke negara kita ini beberapa abad dahulu tidak bercampur-gaul dan mendekati diri mereka dengan rakyat tempatan yang belum beragama Islam, mungkin kita tidak akan menganuti Islam hari ini. Kita harus bersyukur dengan nikmat yang telah kita perolehi ini. Setelah kita mendapat nikmat kerana kesanggupan orang-orang Islam yang datang ke sini berdamping dengan nenek moyang kita, apakah wajar kita bolot nikmat beragama Islam ini untuk diri kita sahaja? Apakah wajar kita membenarkan gambaran yang tidak tepat dilihat oleh bukan Islam kerana kita tidak sanggup berdekatan dengan mereka?

14. Dewasa ini terdapat perasaan syak wasangka yang tidak harus wujud jikalau orang-orang Islam dan rakan-rakan bukan Islam saling faham-memahami tentang adat istiadat dan cara hidup masing-masing. Saya sedar bukanlah mudah untuk kita menjalinkan perasaan saling faham-memahami tetapi dengan usaha yang diredhai Ilahi dan niat yang ikhlas, insya-Allah

kita akan dapat menjalinkan perasaan itu. Seperkara lagi ialah sekiranya iman kita kukuh, maka kita tidak harus risau yang iktikad kita akan tergugat.

15. Saya berharap Yayasan ini akan memikirkan perkara-perkara ini demi kebaikan dan kemajuan umat Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Dengan kata-kata ini dan dengan doa agar Yayasan ini mencapai cita-citanya, dan dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, maka saya dengan ini melancarkan Yayasan Nadwah Akademi Islam Berhad ini dengan rasminya.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.